



# KENYATAAN MEDIA

Untuk siaran segera

## KESEDARAN CUKAI PERLU DIPUPUK DARI USIA MUDA

Bangi 2 Okt. - Kesedaran mengenai cukai perlu dipupuk kepada rakyat negara ini bermula pada usia muda sebagai landasan terbaik kepada mereka dalam menyemai semangat patriotik dan cinta terhadap tanah air.

Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan dalam ucapan perasmianya berkata, dengan adanya pendedahan awal mengenai cukai generasi muda akan lebih memahami kepentingan cukai dalam usaha membangunkan Negara.

“Pemahaman yang baik mengenai cukai ini mampu menjadikan generasi muda kita lebih bertanggungjawab dalam urusan pembayaran cukai dan ia akan membantu kerajaan dalam memberikan kesejahteraan kepada rakyat melalui hasil kutipan cukai yang mampan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Kem Cerdik Cukai (KCC) 2018 Kelapan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Kementerian Pendidikan di Auditorium Akademi Percukaian Malaysia Bandar Baru Bangi, dekat sini hari ini. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, Dato' Sri Sabin Samitah dan Puan Hajah Rozainum Ahmad, Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia.

KCC yang bertemakan Pendidikan Percukaian Ilmu Seumur Hidup ini melibatkan 199 peserta dari 43 buah sekolah menengah terpilih seluruh negara iaitu 159 pelajar Tingkatan Enam dan 40 guru pembimbing yang mengikuti pelbagai aktiviti mengenai percukaian.

Ini termasuklah *Taxplore Race*, aktiviti dalam bentuk *Explore Race* bertemakan percukaian serta simulasi e-Filing, ceramah motivasi dan *Infotaxtainment*, persembahan pentas berbentuk hiburan santai yang sarat dengan maklumat kepentingan percukaian kepada negara.

Sementara itu menurut Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, sejak kem itu mula diperkenalkan pada 2011, ia berjaya meningkatkan kesedaran dalam kalangan belia berusia 40 tahun ke bawah di negara ini untuk membayar cukai. Ia juga menunjukkan program pendidikan cukai yang dilaksanakan secara berterusan oleh LHDNM membuahkan hasil yang diharapkan serta berjaya mencapai objektifnya untuk meluaskan asas percukaian di Malaysia.

“Sehingga tahun taksiran 2017 sekitar 3.615 juta pembayar cukai individu yang dikategorikan sebagai belia telah menjalankan tanggungjawab untuk mendaftar sebagai pembayar cukai pendapatan.”

“Angka ini menunjukkan peningkatan hampir 30,000 orang pembayar cukai baharu dalam kalangan belia berbanding tahun taksiran 2016 iaitu sekitar 3.585 juta dan 3.553 juta pada tahun taksiran 2015,” katanya.



Gambar 1: Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, menyampaikan ucapan perasmian



Gambar 2: Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, Dato' Sri Sabin Samitah, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan Puan Hajah Rozainum Ahmad, Pengarah Bahagian Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia ketika melancarkan gimik perasmian.



Gambar 3: Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Amiruddin Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia merakam gambar kenangan bersama para peserta program Kenyataan Media LHDNM, 2 Oktober 2018

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 | 📠 : 03-8313 7873

Hasil Care Line : 1-800-88-5436 (LHDN)

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 2 Oktober 2018**